

04/03/2002

Bank diarah beku akaun ada hubungan dengan keganasan

Kadir Dikoh

COOLUM (Queensland), Ahad - Semua bank di Malaysia sudah diarah mengesan dan membeku akaun simpanan mana-mana pertubuhan dan individu yang didakwa mempunyai kaitan dengan keganasan antarabangsa.

Arahan itu dibuat selepas Malaysia menerima satu senarai daripada Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menamakan pertubuhan dan individu yang didakwa mempunyai kaitan dengan kegiatan keganasan.

Majlis Keselamatan PBB mengeluarkan senarai itu berdasarkan senarai yang dikemukakan Amerika Syarikat berikutan serangan pengganas terhadap New York dan Washington DC, 11 September lalu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata senarai itu sudah diserahkan kepada Bank Negara Malaysia (BNM) untuk diedar kepada semua institusi kewangan dan perbankan tempatan, baru-baru ini.

Beliau berkata, arahan dan tindakan itu adalah sejajar dengan Resolusi 1373 (2001) Majlis Keselamatan PBB yang dikeluarkan 28 September lalu dalam usaha memerangi keganasan sejagat.

"Kita (Malaysia) ada menerima senarai itu, kebanyakannya membabitkan nama syarikat yang dikaitkan dengan keganasan dan sedikit saja nama individu. Berikutan itu, Bank Negara juga sudah mengedarkan senarai itu kepada bank-bank tempatan," katanya tetapi enggan mengulas lanjut sama ada ada nama syarikat atau individu tempatan dalam senarai berkenaan.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan taklimat kepada wartawan Malaysia mengenai hasil mesyuarat sesi eksekutif pada hari kedua pemimpin Komanwel di Hyatt Regency di sini, hari ini.

Malaysia diwakili Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) dan petang ini 53 pemimpin terbabit menghadiri mesyuarat sambil bersantai di pusat peranginan itu.

Malaysia adalah antara negara anggota dalam Jawatankuasa Komanwel Mengenai Keganasan bersama Australia, Bahamas, Kanada, India, Afrika Selatan, Sri Lanka, Tanzania, Tonga dan United Kingdom.

Mesyuarat jawatankuasa itu di London pada 29 Januari lalu antara lain menyetujui pelan tindakan mengandungi pelbagai aspek perundangan, kewangan dan langkah secara am untuk memerangi ancaman keganasan.

Syed Hamid berkata, pelan itu diterima pada sesi eksekutif pemimpin CHOGM dalam perbincangan mengenai agenda keganasan di sini semalam.

Katanya, ada tiga cadangan dalam pelan tindakan di peringkat Menteri CHOGM itu yang disyorkan kepada ketua kerajaan.

"Syor itu ialah supaya diadakan undang-undang jenayah yang akan membolehkan tindakan diambil terhadap pengganas di mana juga mereka berada di negara-negara Komanwel, ke arah menyeragamkan undang-undang supaya negara anggota boleh mengambil tindakan secara rantau atau global.

Kedua ialah berkenaan pertukaran maklumat dengan membekukan akaun-akaun di mana juga di negara komanwel.

Ketiga berkaitan dialog ketamadunan memandangkan Komanwel ini mempunyai kepelbagaian dari segi budaya, agama dan kaum.

Pemimpin komanwel dalam satu kenyataan 25 Oktober lalu antara lain menyatakan komitmen untuk bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa dalam mengesan, membeku dan merampas aset pengganas, ejen mereka, penaja dan penyokong.

Menjawab soalan, Syed Hamid berkata kerajaan tidak teragak-agak untuk

membekukan aset atau akaun pertubuhan terbabit jika ada maklumat membuktikan ia mempunyai rangkaian dengan keganasan antarabangsa.

"Pada mesyuarat CHOGM ini kita menyatakan bahawa kita harus mengambil tindakan bersama untuk memerangi keganasan dan kita juga bersetuju di peringkat CHOGM ini yang keganasan tidak boleh dikaitkan dengan soal kaum, agama atau budaya.

"Ini bukan peperangan terhadap Islam. Malah Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong menyatakan (pada mesyuarat itu) bahawa penting untuk memisahkan soal memerangi keganasan dengan soal Islam. Kalau kita tidak berbuat demikian, ia dirasakan seolah-olah peperangan terhadap Islam dan amat berbahaya untuk dunia yang boleh membangkitkan konflik yang lebih besar," katanya.

Syed Hamid berkata, ketika perbincangan mengenai agenda keganasan, beberapa pemimpin dalam Komanwel menyuarakan pendapat serupa seperti yang pernah disarankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini iaitu mengenai definisi keganasan dan perlu diadakan persidangan antarabangsa mengenai keganasan dengan PBB memainkan peranan utama.

(END)